

**1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Cadangan Jawapan
2021**



MODUL ULANG KAJI BERFOKUS BM 1 SPM 2021 (SET 2)

CADANGAN JAWAPAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas Cadangan Jawapan ini mengandungi 11 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan bangunan bersejarah.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan memelihara bangunan bersejarah.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Setiap negara mempunyai bangunan bersejarah yang memiliki keunikan tersendiri. Malaysia memiliki banyak monumen mengikut era yang mempunyai nilai komersial yang dapat memacu industri pelancongan negara.

Dari utara, Stesen Keretapi Padang Besar (Perlis), Lembah Bujang (Kedah), Kota Cornwallis (Pulau Pinang), Istana Kellie's dan Menara Jam Condong Teluk Intan (Perak).

Rantaian selatan pula tidak kurang hebat dengan Muzium Tentera Darat (Negeri Sembilan), Kota A Famosa (Melaka) dan Masjid Sultan Abu Bakar (Johor).

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 9 September 2021




ISTANA SERI MENANTI

- diperbuat daripada kayu
- tidak mempunyai sebatang paku kerana digantikan dengan pasak daripada kayu



ISTANA MELAYU MELAKA

- Balairong Seri, Balai Beradu Diraja dan balai-balai
- melambangkan ketamadunan masyarakat Melayu



Sumber : *Laman Web Rasmi Lembaga Muzium Negeri Sembilan*
dan *BH Online*, 9 September 2018

CADANGAN RANGKA JAWAPAN

BAHAGIAN A : Kepentingan memelihara bangunan bersejarah

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan **kepentingan memelihara bangunan bersejarah.**
2. Calon hendaklah mengemukakan contoh dan huraian yang bersesuaian.

Rangka Karangan

Pendahuluan

- khazanah penting yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman
- generasi pada masa ini kurang mengenali dan menghargai bangunan bersejarah
- warisan ini perlu dipelihara kerana mempunyai pelbagai kepentingan

Isi 1 : **mempunyai nilai komersial yang dapat memacu industri pelancongan negara [Bahan 1]**

- mempunyai daya tarikan tersendiri
- contoh - Kota A Famosa mempunyai tinggalan sejarah zaman penjajahan - dibina oleh penajah Portugis sebaik sahaja berjaya menawan Melaka pada tahun 1511
- peningkatan jumlah pelancong - menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara
- *sambil menyelam minum air*

Isi 2 : **mempamerkan reka bentuk seni bina masyarakat Melayu [Bahan 2]**

- mempunyai nilai seni dan estetika yang mencorakkan budaya bangsa
- contoh - Istana Melayu Melaka - melambangkan ketamadunan masyarakat, Istana Seri Menanti - keunikan dan kemahiran yang tinggi masyarakat terdahulu
- dapat menghayati kehalusan dan kreativiti seni bina bangsa kita
- *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*

Kesimpulan

- generasi muda perlu peka akan kepentingan memelihara dan mengekalkan bangunan bersejarah
- dapat mengetahui sejarah negara dan menghayati keindahan warisan budaya yang menjadi kebanggaan negara
- *seperti kacang lupukan kulit*

KARANGAN BAHAGIAN B

[70 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan program berkaitan dengan kempen cintai bahasa Melayu yang dipelopori pengajurannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mendidik masyarakat berbilang bangsa di Malaysia agar menyemarakkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang seterusnya memacu ke arah kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa kelas dunia yang praktikal dan realistik.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Laman Web DBP, 17 Ogos 2017

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan dengan kempen cintai bahasa Melayu yang bertujuan untuk menyemarakkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang.

Jelaskan peranan-peranan pelbagai pihak dalam memartabatkan bahasa kebangsaan.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan peranan-peranan pelbagai pihak dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- bahasa kebangsaan menggambarkan jati diri serta citra rakyat Malaysia
- usaha memartabatkan bahasa Melayu perlu dilaksanakan dan disokong semua pihak
- sebagai salah satu medium ikatan perpaduan antara kaum di Malaysia
- apakah peranan pelbagai pihak dalam memartabatkan bahasa Melayu?

Isi 1: pihak sekolah - melaksanakan aktiviti-aktiviti bertemakan bahasa kebangsaan

- tempat bermulanya pembelajaran bahasa kebangsaan secara formal
- aktiviti yang menarik minat murid menggunakan bahasa kebangsaan sama ada berbentuk akademik ataupun kokurikulum
- pertandingan bahas, pidato, forum, penulisan esei dan mendeklamasi sajak
- matlamat utama - melahirkan generasi muda yang berupaya menggunakan bahasa kebangsaan dengan baik dan boleh dibanggakan
- pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara

Isi 2: pihak swasta - mempromosikan bahasa kebangsaan dalam pelbagai sektor

- mempunyai tarikan dan pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat
- menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama seiring dengan promosi perniagaan atau produk masing-masing
- papan-papan tanda dan iklan menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tidak bercampur aduk dengan bahasa lain.
- promosi secara berterusan dan bersungguh-sungguh akan memberikan impak positif terhadap perkembangan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ekonomi, sains dan teknologi
- *hendak seribu daya , tak hendak seribu dalih*

Isi 3: pihak kerajaan - menganjurkan kempen cintai bahasa kebangsaan di seluruh negara

- berupaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan dilaksanakan secara menyeluruh
- kempen kesedaran tentang kepentingan mencintai bahasa kebangsaan yang menjadi lambang perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia
- kerajaan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam penganjuran kempen Bulan Bahasa Kebangsaan bagi memupuk rasa bangga terhadap bahasa kebangsaan
- memperkuat perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan
- slogan *Bahasa Jiwa Bangsa*

Kesimpulan

- semua pihak haruslah menggembangkan tenaga dalam memartabatkan bahasa kebangsaan seiring dengan arus pemodenan kini
- janganlah kita terlalu leka mengejar kemajuan dengan mementingkan bahasa asing sehingga menidakkannya keupayaan bahasa kita
- marilah kita menjaga bahasa kebangsaan agar terus kekal dan terpelihara
- *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*

Soalan 2

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, sebanyak 5,083 kematian direkodkan daripada 400,788 kes kemalangan jalan raya di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga September tahun 2017. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,077 kematian akibat kemalangan jalan raya direkodkan melibatkan murid sekolah berusia di antara 6 hingga 20 tahun dengan jumlah golongan tersebut yang cedera parah seramai 1,150 orang dan 1,675 orang cedera ringan. Berdasarkan statistik tersebut, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui JSPT giat menganjurkan kempen keselamatan jalan raya bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan generasi muda.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Bernama, 11 November 2017

Petikan berita di atas menunjukkan statistik kes kemalangan jalan raya yang melibatkan murid sekolah dan usaha yang dilakukan oleh PDRM bagi mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, sebagai pengurus Kelab Keselamatan Jalan Raya sekolah, anda diminta untuk memberi ceramah dalam perhimpunan sekolah. Tajuk ceramah ialah “Langkah-langkah Murid Mengelakkan Kemalangan Jalan Raya.”

Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi mengelakkan kemalangan jalan raya.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menggunakan format ceramah.

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- kadar kemalangan jalan raya dalam kalangan murid semakin membimbangkan
- kemalangan jalan raya yang berlaku telah menyebabkan kematian, kecederaan serta kerosakan kenderaan yang terbabit
- langkah-langkah yang efektif perlu dilakukan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutamanya dalam kalangan murid

Isi 1: murid mempunyai pengetahuan tentang keselamatan jalan raya

- mengetahui dan memahami peraturan-peraturan jalan raya
- diperoleh melalui pembacaan dan pembelajaran di sekolah
- contoh - simbol-simbol pada papan keselamatan jalan raya dan langkah-langkah keselamatan yang harus diambil di jalan raya diajar sejak murid-murid berada di sekolah melalui mata pelajaran Pendidikan Keselamatan jalan Raya (PKJR)
- murid mengetahui kepentingan mematuhi peraturan jalan raya sejak awal lagi
- *melentur buluh biarlah dari rebungnya*

Isi 2: murid mematuhi peraturan dan keselamatan di jalan raya

- sentiasa dipraktikkan ketika berada di jalan raya
- memastikan langkah keselamatan dipatuhi - contoh murid mempunyai lesen memandu, memakai topi keledar, mematuhi had laju yang ditetapkan, tidak melanggar lampu isyarat merah dan tidak memotong di garisan berkembar
- memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat
- dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku
- *sediakan payung sebelum hujan*

Isi 3: murid mengamalkan sikap berhemah ketika berada di jalan raya

- berhati-hati dan sentiasa berwaspada sama ada sebagai penunggang motosikal, pemandu kenderaan atau pejalan kaki
- mempraktikkan sikap bertolak ansur, sentiasa mengutamakan keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain
- contoh - pemandu atau penunggang memperlahangkan kenderaan atau motosikal ketika melalui kawasan sekolah terutamanya pada waktu sibuk, pejalan kaki sentiasa memerhatikan keadaan sekeliling terutamanya ketika melintas jalan
- murid menjadikan sikap berhemah sebagai amalan
- *alah bisa tegal biasa*

Kesimpulan

- terdapat pelbagai langkah yang boleh dilakukan oleh murid bagi mengelakkan kemalangan jalan raya
- semua pihak perlu berganding bahu bagi membendung masalah ini
- hasrat untuk memastikan keselamatan murid sentiasa terjamin terutamanya ketika berada di jalan raya
- *bagai aur dengan tebing*

Soalan 3

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merangkumi dua aspek iaitu teknologi maklumat dan teknologi komunikasi. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025, salah satu anjakan adalah dengan memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran semua sekolah di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan TMK dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat memberikan impak yang baik kepada guru dan murid-murid sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada artikel
Kepentingan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran,
DigiLearn, 11 Februari 2020.

Petikan di atas berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang telah digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Terdapat pelbagai kebaikan yang diperoleh sama ada oleh guru atau murid dengan penggunaan teknologi tersebut.

Bincangkan kebaikan-kebaikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan kebaikan-kebaikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan rangkaian perhubungan yang berbentuk maklumat, komunikasi, audiovisual dan data
- menjadi sebahagian daripada kehidupan kita dalam era modenisasi ini
- memainkan peranan yang penting dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan
- terdapat kebaikan-kebaikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah
- *tak sungguh tak melata, tak sungguh orang tak kata*

Isi 1: dapat mengakses maklumat dengan mudah

- Internet berfungsi sebagai sumber ilmu pengetahuan yang boleh diakses pada bila-bila masa
- guru-guru mata pelajaran boleh memuat turun bahan berkaitan sebagai bahan bacaan tambahan kepada murid-murid
- murid-murid yang akan menghadapi peperiksaan boleh mencari nota dan modul soalan dengan mudah
- mewujudkan persekitaran pembelajaran baharu yang lebih fleksibel dari segi masa, tempat, kaedah dan bahan
- *maklumat di hujung jari*

Isi 2: dapat menarik minat murid semasa belajar

- mengubah situasi pembelajaran secara konvensional kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan interaktif
- guru dapat mempelbagaikan bahan bantu mengajar dengan menggunakan media grafik, audio dan video yang dipancarkan melalui bantuan projektor
- guru Biologi boleh menarik minat dan meningkatkan kefahaman murid dengan menayangkan bahan audio-visual berkaitan mikroorganisma
- meningkatkan fokus dan memberangsangkan minda murid
- *di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*

Isi 3: dapat meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat

- guru dan murid mendapat pendedahan tentang pelbagai perisian untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran
- guru-guru yang menggunakan aplikasi digital dalam bilik darjah dapat memberi nilai tambah terhadap profesiannya
- murid mempunyai pengetahuan berkaitan CD-ROM, Internet, portal maklumat dan pelbagai perisian
- menerapkan pembelajaran inkuiri dan kendiri melalui aplikasi digital
- *alah bisa tegal biasa*

Kesimpulan

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) pada masa ini digunakan secara global
- pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengoptimumkan penggunaan TMK
- mentransformasikan masyarakat Malaysia yang bermaklumat
- sistem pendidikan yang mengarusperdanakan TMK dapat melahirkan modal insan yang mampu mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0
- *hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih*

Soalan 4

Bidang sukan telah diberikan penekanan yang tinggi oleh kebanyakan negara kerana memberi peluang kepada atlet-atlet mencipta nama, mengharumkan nama negara, dan mempunyai pendapatan tetap sebagai seorang yang berjaya dalam bidang sukan. Nama seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Datuk Azizulhasni Awang dan Datuk Misbun Sidek antara ikon besar sukan di Malaysia. Mereka telah berjaya membawa nama Malaysia di mata dunia seterusnya menjadikan bidang sukan sebagai kerjaya sepenuh masa.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada artikel
Bolehkah Saya Membina Kerjaya dalam Bidang Sukan?,
Oleh Namri Sidek, 23 Ogos 2017.

Berdasarkan petikan di atas, Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Datuk Azizulhasni Awang dan Datuk Misbun Sidek merupakan atlet yang berjaya kerana dapat mencipta nama, mengharumkan negara dan menjanakan sumber pendapatan. Kejayaan mereka telah menjadi inspirasi setiap atlet di negara kita. Namun, kejayaan ini memerlukan persediaan yang rapi seperti peribahasa yang bulat takkan datang bergolek, yang pipih takkan datang melayang. Oleh itu, terdapat persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menjadi seorang atlet yang berjaya.

Ulas pernyataan di atas.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menjadi seorang atlet yang berjaya.
2. Murid hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- ramai atlet mampu mengharumkan nama negara masing-masing melalui bidang sukan
- mereka menempa nama dalam sukan berprestij seperti Sukan Komanwel dan Olimpik
- Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Datuk Azizulhasni Awang dan Datuk Misbun Sidek menjadi inspirasi kepada atlet lain untuk berjaya
- terdapat persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menjadi seorang atlet yang berjaya
- *kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*

Isi 1: mengikuti program latihan yang terancang

- atlet dapat berlatih dengan lebih kerap dan sistematis
- mengikuti latihan pusat yang telah dijadualkan bagi memantapkan kemahiran
- berlatih di bawah pengawasan jurulatih yang bertauliah dan berpengalaman
- atlet yang berkebolehan berjaya dicungkil bagi menempa kejayaan di arena antarabangsa
- *Majulah Sukan untuk Negara*

Isi 2: mempunyai disiplin yang tinggi

- tidak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan peraturan atau perkara yang merugikan diri sendiri
- menepati masa dengan menyusun jadual harian dan mematuhi arahan jurulatih
- mengamalkan gaya hidup sihat dengan tidak mengambil bahan-bahan terlarang
- meningkatkan keterampilan diri untuk mencapai prestasi yang tinggi
- *yang bulat takkan datang bergolek, yang pipih takkan datang melayang*

Isi 3: ketahanan mental dan fizikal

- kedua-dua elemen perlu seimbang bagi memastikan atlet lebih fokus ketika beraksi
- tidak mencampuradukkan hal-hal peribadi agar emosi stabil
- mengekalkan kecerdasan fizikal supaya kekal berstamina dengan menjaga kesihatan
- apabila badan sihat atlet dapat melakukan latihan tanpa masalah kesihatan, mental dan emosi
- *badan sihat, otak cerdas*

Kesimpulan

- atlet yang berjaya dapat mengharumkan nama negara di persada dunia
- sokongan pelbagai pihak khususnya pihak Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Malaysia
- atlet berbakat harus dicungkil sejak di bangku sekolah bagi melahirkan atlet yang berjaya
- dapat bersaing dengan atlet dari luar negara dalam pelbagai acara dan mampu mencipta rekod dunia
- slogan *Malaysia Boleh*

CADANGAN JAWAPAN TAMAT